



PEMAKLUMAN AM NO. 1/2019

PENGUATKUASAAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN PERBADANAN DAN PERAKUAN PRAKTIS


1. Mesyuarat Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) Bil. 4/2018 telah bersetuju untuk melaksanakan pendaftaran **Pertubuhan Perbadanan** dan **Perakuan Praktis** kepada Pertubuhan Perbadanan bagi menjalankan amalan perancangan bandar selaras dengan peruntukan Seksyen 20 Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538] berkuatkuasa **1 Januari 2020**.
2. Setakat Disember 2019, sebanyak **151 Pertubuhan Perbadanan** dan **162 Perakuan Praktis** yang telah diperakukan oleh LPBM. Bagi permohonan baharu yang diterima selepas ini, ianya hanya akan diluluskan pada Mac 2020.
3. Adalah diingatkan bahawa menjadi suatu kesalahan di bawah perenggan 34(1)(j) Akta 538 bagi mana-mana Perancang Bandar berdaftar yang menjalankan amalan perancangan bandar **TANPA** perakuan pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan Perakuan Praktis terlebih dahulu.

4. Jika disabitkan kesalahan, LPBM boleh mengeluarkan perintah selaras dengan peruntukan Seksyen 33 Akta 538 seperti berikut :

- (a) pengeluaran suatu celaan bertulis;
- (b) pengenaan denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit;
- (c) penggantungan bagi tempoh yang tidak melebihi satu tahun;
- (d) pembatalan pendaftaran.

Sekian, dimaklumkan.

Saya yang menjalankan amanah;



(TPr SAIDIN BIN LATEH)
Pendaftar
Lembaga Perancang Bandar Malaysia

Tarikh : 20 Disember 2019